

Saya berterima kasih kpd Dato Speaker kerana memberi peluang berbahas dalam dewan yang mulia ini.

Kita bersyukur selepas kerajaan BN tumbang dan Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan, banyak dasar-dasar kerajaan yang berjiwa rakyat telah dilaksanakan. Di antaranya paling ketara adalah Pengurusan pentadbiran ekonomi, peralihan dari belanjawan defisit ke surplus, sehinggakan Auditor General juga memberi pengurusan 4 bintang kepada negeri PP dan Selangor. Dengan adanya surplus ini, bolehlah kerajaan negeri mempunyai kekuatan untuk melaksanakan projek-projek yang berjiwa rakyat.

Selepas 2 tahun, saya telah memerhatikan beberapa masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan awam kita. Kita mempunyai terlalu banyak jabatan yang menguasai benda yang lebih kurang sama. Saya ambil contoh. Air mengalir dari longkang ke parit kemudian ke sungai. Longkang di bawah jagaan MPPP, ada yang di bawah JKR. Parit ada yang di bawah JPS, ada yang di bawah JKR. Longkang tersumbat ada di bawah MPPP, ada di bawah JPS ada pula di bawah JKR. Padahal ini semua masalah yang sama.

Saya amat kagum apabila kita mesyuarat ke atas satu longkang kecil, atau teknikal visit, ramai pegawai kena ikut kerana di bawah jagaan party yang berlainan. Ini bukan sahaja satu pembaziran, pegawai-pegawai kerajaan juga pening kerana hari-hari kena hadir mesyuarat sahaja.

Saya sarankan supaya kerajaan negeri memulakan satu re-engineering exercise untuk consolidate jabatan-jabatan yang bertindih supaya satu organisasi yang lebih effective dapat dibentuk.

Saya juga tahu bahawa ini memerlukan masa yang panjang, terutamanya kuasa sesetengah jabatan masih ada dalam tangan kerajaan persekutuan. Ini melibatkan masalah federalisme. Tetapi kita haruslah memulakan perbincangan terhadap masalah ini dan merancang untuk Government Reengineering exercise.

Saya ingin mengucapkan tahniah kerana kerajaan negeri telah menjalankan Transportation master plan. Itu adalah satu hala-tuju yang betul.

Saya ingin menarik perhatian kepada kerajaan negeri bahawa dengan pembangunan yang begitu pesat di kawasan bayan baru. Pada masa-masa yang akan datang ada banyak lagi projek pembangunan yang mungkin akan dilaksanakan di Bayan baru seperti PICC, projek pembangunan PDC dan beberapa pemaju swasta seperti Hunza Properties. Ini akan memacukan pertumbuhan yang cukup dashyat di kawasan ini.

Maka, kita memang perlu satu system pengangkutan awam yang komprehensif di kawasan bayan baru-PISA-FTZ-Queensbay-Sg Nibong Terminal. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk memasukkan penyelesaian pengangkutan awam di bayan baru ke dalam terms and reference Transportation Masterplan.

Ini akan membantu menyelesaikan masalah kesesakan dan sekaligus membantu memacukan pertumbuhan yang lebih pesat lagi.

Saya juga ingin menarik perhatian masalah yang dihadapi di kawasan Coastal Road. Baru-baru ini, saya telah membuat siasatan tapak tentang kesesakan pada sebelah petang. Masalah utama adalah bottleneck yang berlaku pada jambatan. Dari 3 lane jadi 2 lane pada bahagian jambatan. Ada sebanyak 3-4 tempat macam itu. Maka saya ingin mencadangkan kepada JKR supaya melebarkan jambatan-jambatan tersebut. Saya telah bangkitkan masalah ini dalam MMK trafik, tetapi saya dimaklumkan JKR tiada peruntukan. Saya harap JKR betul-betul menuntut peruntukan daripada kerajaan pusat.

Masalah Perumahan

Saya terima banyak rungutan dari rakyat tentang masalah strata title dan penubuhan JMB dan MC. Ada di antara pemaju, atas sebab-sebab tertentu, yang enggan menubuhkan MC dan memindahkan hakmilik kepada penduduk. Maka adalah penting pejabat CoB masuk campur tangan dan menggunakan kuasa yang ada pada Strata Title Act mengambil tindakan.

Saya nak ambil contoh: Krystal Point. Cadangan saman pada Nov 2006, tetapi selepas 4 tahun, masalah ini masih tidak selesai. Pangsapuri Prime View, Aduan dihantar Nov 2004, sampai sekarang masih melengkapkan kertas siasatan awalan. Taman Makmur Jaya, Pantai Jerejak, dah lima belas tahun OC dapat, tetapi Strata title belum dapat, kenapa tidak ambil tindakan terhadap pemaju?

Penguatkuasaan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab amat lemah dalam pejabat CoB. Saya amat kesian kepada YDP yang merangkat COB. Ini adalah kelemahan Strata Title Act, walau bagaimanapun, YDP boleh memberi kuasa kepada kakitangan dalam CoB untuk bertindak. Kalau, tidak cukup kakitangan bolehlah minta tambahkan staf. Tetapi, buat masa sekarang, saya Nampak kelemahan dari segi gerak kerja dalam CoB. Saya berharap pejabat CoB mengambil tindakan yang lebih drastic dan serious.

Bayan Baru issues:

Baru-baru ini saya dimaklumkan bahawa terdapat satu peruntukan Kerajaan Persekutuan yang ingin menaiktaraf tandas-tandas di pasar Bayan Baru. Kelulusan diberikan kepada MPPP pada bulan tiga 2009. Tetapi atas sebab-sebab tertentu, kelulusan projek itu disimpan dalam satu pejabat, tanpa apa-apa tindakan. Apabila sampai ke penghujung tahun, barulah nak buat rekabentuk. Tetapi apabila dihantar ke kementerian, sudah terlewat dan peruntukan ditarik balik. Saya ingin Tanya, kenapa rekabentuk ini mengambil masa begitu lama? Kalau tak cukup masa, boleh buat OT, takkan 6 bulan tak cukup masa? Bukan senang nak dapatkan peruntukan daripada kerajaan pusat, tetapi peluang ini disia-siakan. Saya harap YDP mengambil serious tentang masalah ini.

Masalah jenayah di kawasan Pantai Jerejak

Ada satu kawasan sempadan Timur Laut dan Barat Daya namanya Jalan Rumbia. Kebelakangan ini terdapat banyak kes pecah kedai di kawasan tersebut. Dia seolah-olah no men's land. apabila saya telefon OCPD barat Daya, OCPD kata itu timur laut. Tetapi penduduk telefon timur laut, dikatakan barat daya pulak. Maka kawasan itu selalu dimangsakan. Saya berharap polis akan meningkatkan

rondaan terutamanya pada sebelah malam di kawasan itu kerana ramai yang telah mengadu kepada saya.

Saya amat tertarik dengan Sasterawan Jawa Ranga Warsita (1802-1873) dalam karyanya yang terkenal Serat Kalatidha. Beliau menyifatkan zaman Jawa masa itu satu "Zaman Gila".

Menyaksikan zaman gila,
serba susah dalam bertindak,
ikut gila tidak akan tahan,
tapi kalau tidak mengikuti (gila),
tidak akan mendapatkan bagian,
kelaparan pada akhirnya,
namun telah menjadi kehendak Allah,
sebahagia-bahagiaanya orang yang lalai,
akan lebih bahagia orang yang tetap ingat dan waspada.

Zaman di Malaysia juga seperti Zaman Gila di Jawa pada tahun-tahun 1800an. Kebenaran diputar belitkan. Ketidakadilan diterima sebagai lumrah hidup.

Saya kesal apabila UMNO-BN kata mereka menyokong kebebasan media, padahal, siapakah yang memenjarakan pemberita Tan Hoon Cheng dalam ISA? Rosmah terang-terang menyekat kebebasan akhbar terhadap NTV7 dan RTM. Kebebasan apa?